

## **KEBERKESANAN KURSUS JANGKA PENDEK ANJURAN KOLEJ KOMUNITI LEDANG JOHOR TERHADAP ALUMNI**

### **[EFFECTIVENESS OF SHORT TERM COURSES ORGANIZED BY LEDANG JOHOR COMMUNITY COLLEGE TO ALUMNI]**

RIZARINA EKHWAN<sup>1</sup>

SITI HAZWANI ROSLI<sup>1</sup>

RAZZATUL IZA ZURITA RASALLI<sup>1</sup>

*Received Date:* 15 March 2020

*Accepted Date:* 31 March 2020

#### **Abstrak**

Pembangunan modal insan merupakan satu wacana penting dalam kemajuan sesebuah negara. Bagi meningkatkan kemahiran masyarakat terutama golongan B40 adalah dengan menyediakan latihan-latihan atau kursus-kursus yang sesuai untuk membolehkan mereka samada menjalankan projek-projek keusahawanan ataupun melibatkan diri dalam program perniagaan yang telah tersedia. Bagi tujuan tersebut, Kolej Komuniti Ledang Johor (KKLJ) telah memainkan peranan yang signifikan dalam menyumbang tenaga pakar bagi merealisasikan hasrat dan tujuan kerajaan selain membantu mengembangkan lagi sektor ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, kertas ini dikemukakan bertujuan melihat potensi kursus-kursus sampingan yang dianjurkan oleh kolej komuniti dan penglibatan alumni terhadap kursus-kursus yang ditawarkan. Metodologi kajian ini ialah melalui soal selidik yang diedarkan kepada alumni-alumni kolej komuniti seramai 250 koresponden. Kajian ini melihat penglibatan semula alumni dalam kursus-kursus jangka pendek.

**Kata Kunci:** Alumni, Kursus Pendek, Kolej Komuniti Ledang

#### **Abstract**

Human capital development is an important discourse in the development of a nation. To enhance the skills of the community especially the B40 group is to provide appropriate training or courses to enable them to undertake entrepreneurial projects or participate in business programs that are already available. To this end, the Johor Ledang Community College (KKLJ) has played a significant role in contributing experts to streamline the government's ambitions and goals while helping to further develop the country's economic sector. In this regard, this paper is intended to look at the potential of side courses organized by community colleges and the involvement of alumni in the courses offered. The methodology of this study was through a questionnaire distributed to 250 community college alumni. This study looks at the involvement of alumni in short-term courses.

**Keywords:** Alumni, Short Course, Ledang Community College

<sup>1</sup> Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kolej Komuniti Ledang Johor, Johor, MALAYSIA.

**Corresponding Author:**

SITI HAZWANI ROSLI, Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kolej Komuniti Ledang Johor, Johor, MALAYSIA.  
E-mail: hazwani@kklej.edu.my

**Cite This Article:**

Rizarina Ekhwan, Siti Hazwani Rosli & Razzatul Iza Zurita Rasalli. (2020). Keberkesanan kursus jangka pendek anjuran Kolej Komuniti Ledang Johor terhadap alumni. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 2(1), 68-79.

**PENGENALAN**

Kolej Komuniti Ledang Johor (KKLJ) ditubuhkan bagi memenuhi kehendak sosial dan keperluan tenaga manusia selaras dengan dasar kerajaan untuk melahirkan lebih ramai golongan pekerja mahir. Bagi golongan setempat pula, kolej ini berperanan memberi pendedahan kepada mereka dengan kursus-kursus pendek yang ditawarkan. KKLJ juga sebuah premis yang bertujuan sebagai penyedia latihan dan pendidikan yang sentiasa dekat dengan masyarakat serta boleh dilawati sepanjang masa. Setelah hampir sedekad KKLJ ditubuhkan, masyarakat setempat khususnya di kawasan Ledang seharusnya mengenali KKLJ serta peranannya dalam menyediakan kursus-kursus bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Pelaksanaan kursus pendek di KKLJ adalah berdasarkan permintaan masyarakat setempat, kemahiran tenaga pengajar dan kemudahan yang telah disediakan. Pelbagai program promosi dan pameran dilaksanakan bagi menarik penyertaan peserta kursus khususnya penyertaan dari sekolah-sekolah, jabatan kerajaan, institusi pengajian tinggi dan tempat-tempat awam. Sehingga kini pelbagai kursus ditawarkan melalui takwim kursus pendek secara bulanan kepada masyarakat setempat.

Menurut *Oxford Advanced Learner's Dictionary* (2003), latihan ditakrifkan dalam dua pendefinisan. Pertamanya, latihan sebagai proses pembelajaran kemahiran-kemahiran yang diperlukan seseorang untuk melaksanakan tugasnya. Keduanya, latihan didefinisikan sebagai proses persediaan untuk turut serta dalam satu-satu pertandingan sukan dengan membuat persediaan fizikal. Dalam konteks perbincangan artikel ini, pendefinisan yang pertama akan diguna pakai kerana latihan yang dilaksanakan dalam sesbuah organisasi lebih terfokus kepada proses pembelajaran yang diwujudkan untuk memantapkan kemahiran-kemahiran individu bagi memudahkan individu tersebut melaksanakan sebarang program terutamanya dalam bidang keusahawanan.

Kursus merupakan keperluan bagi setiap individu bagi sama ada meningkatkan kompetensi pekerjaan atau menambah ilmu bagi tujuan perniagaan atau sebagainya. Dalam konteks kursus ia sebenarnya memberi nilai tambah bagi mereka yang ingin menceburi sesuatu yang baru ini kerana kursus atau latihan yang dijalankan walaupun pada hakikatnya bagi sesetengah organisasi menganggap sebagai suatu pembaziran kerana ia mengeluarkan belanja yang perlu diperuntukkan dalam belanjawan syarikat tetapi jika dinilai kembali ia merupakan satu pelaburan jangka panjang yang tidak merugikan walhal ia dapat menambah kecekapan dan pengetahuan individu terbabit. Melalui program latihanlah, pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai-nilai peribadi seseorang pekerja itu dapat dipertingkatkan selaras dengan tuntutan perubahan-perubahan yang berlaku dalam ruang lingkup kerjaya mereka (Hellriegel, Jackson dan Slocum, 1999). Bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji telah mengambil langkah untuk menilai tahap penerimaan dan keberkesanan kursus jangka pendek di Kolej Komuniti Ledang terhadap alumni-alumni kursus jangka pendek kolej Komuniti Ledang.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Keberkesanan perlaksanaan kerja antara lain ditentukan oleh faktor latihan yang diterima. Latihan yang sistematis dan berterusan akan membantu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan tugas oleh pekerja. Latihan yang berkesan bukan sahaja untuk melahirkan pekerja yang cekap bahkan juga bagi melahirkan ramai usahawan-usahawan yang mampu bersaing di kalangan sektor swasta yang lain. Sektor pelajaran dan latihan sebagaimana dijelaskan Ideris Endot (2007) adalah sebahagian daripada pelaburan sosial yang penting dan memberi faedah kepada negara dalam tempoh yang panjang. Peranan pelajaran dan latihan di Malaysia ialah untuk melahirkan individu berpengetahuan, terlatih dan mahir untuk memenuhi keperluan tenaga manusia dan keperluan sosial yang semakin bertambah.

Shaharom TM Sulaiman (1999) pula berpendapat antara aspek penting dalam pembangunan manusia dan kecekapan pengurusan organisasi ialah kemahiran. Bagi mencapai matlamat meningkatkan kemahiran ini, pihak pengurusan antara lain menurut beliau telah mengadakan pelbagai usaha seperti latihan, kursus, seminar dan lain-lain. Kedua-dua sektor awam mahupun swasta mempunyai bahagian latihan masing-masing bagi meningkatkan tahap kecekapan pekerjanya. Berdasarkan isu dan permasalahan yang dinyatakan, artikel ini cuba membincang dan menganalisis keberkesanan program latihan jangka pendek dan penglibatan alumni dalam kursus-kursus jangka pendek yang dianjurkan oleh Kolej Komuniti khususnya Kolej komuniti Ledang bagi merealisasikan matlamat melahirkan usahawan yang berdaya saing di samping juga untuk melahirkan pekerja profesional dan berdedikasi yang dapat melaksanakan tugas dengan baik. Artikel ini juga menggunakan kaedah persampelan Krejcie & Morgan (1970).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini ialah untuk menilai keberkesanan dan penerimaan kursus jangka pendek yang dijalankan di Kolej Komuniti Ledang.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### ***Rekabentuk Kajian***

Kajian ini adalah kajian kuantitatif deskriptif yang bertujuan untuk mengkaji penerimaan kursus jangka pendek dikalangan Alumni Kolej Komuniti Ledang.

### ***Sampel Kajian***

Kajian ini telah melibatkan seramai 250 alumni kursus jangka pendek yang telah mengikuti kursus yang dilaksanakan oleh di Kolej Komuniti Ledang pada tahun 2019. Antara jenis kursus yang ditawarkan seperti masakan, automatif, jahitan dan beberapa jenis kursus kemahiran yang lain . Sebanyak 350 borang soal selidik telah diedarkan kepada para peserta dan 250 orang peserta memberi maklum balas. Pada asasnya, pemilihan sampel kajian dilakukan dengan

menggunakan kaedah *two-stage random sampling* yang menggabungkan *cluster sampling* dan *stratified random sampling* (Dawson 2002).

### **Instrumen**

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu: Bahagian A (Maklumat Responden), Bahagian B (Faktor Pemilihan Kursus Jangka Pendek), Bahagian C (Fasiliti Dan Kemudahan Yang Disediakan ) dan Bahagian D (Tahap Kefahaman Selepas Kursus). Skala Likert 4 point iaitu Sangat Lemah (L), Sederhana (S), Baik (B), Amat Baik (AB) telah digunakan bagi mengetahui penilaian peserta terhadap keberkesanan penerimaan kursus jangka pendek di Kolej Komuniti Ledang. Ujian kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* yang dilakukan kepada semua sampel kajian adalah pada tahap tinggi iaitu pada aras 0.863.

### **Analisis Data**

Data-data daripada borang soal selidik dan pemerhatian dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif seperti peratus dan frekuensi, terutama yang berkaitan dengan latar belakang sampel dan juga persepsi sampel terhadap item-item atau pemboleh-pemboleh ubah kajian. Bagi semua pernyataan negatif, penyelidik telah mengekodkan semula data kepada skor positif bagi mendapatkan keputusan sebenar. Pada tahap ini, analisis data kajian telah digunakan dengan menggunakan perisian SPSS bagi analisis kuantitatif secara deskriptif. Analisis deskriptif merupakan teknik penghuraian data secara menyeluruh yang bertujuan untuk memberi gambaran awal tentang profil responden berdasarkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Bagi menjawab persoalan kajian, pengkaji menggunakan interpretasi skor min seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 : *Interpretasi Skor Min*

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.33	Rendah/Tidak Sesuai
2.34 hingga 3.66	Sederhana/Agak Sesuai
3.67 hingga 5.00	Tinggi/Sesuai


Sumber : Ubahsuai daripada Ab. Halim (2010)

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kepada kajian ini dijelaskan seperti berikut:

### ***Latar Belakang Responden Kajian***


Kajian ini telah melibatkan seramai 250 orang responden terdiri daripada alumni kursus jangka pendek Kolej Komuniti Ledang. Berikut adalah maklumat yang berkaitan dengan latar belakang sampel kajian:



*Rajah 1: Jantina peserta kursus*


Rajah 1 di atas menunjukkan sampel kajian yang pernah terlibat dalam kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak Kolej Komuniti Ledang. Sebanyak 250 orang responden telah dipilih sebagai sampel kajian. Daripada rajah 2 tersebut didapati sampel kajian ini adalah terdiri daripada 18 lelaki (7.0%) dan 232 orang (93.0%) peserta perempuan yang terdiri dari alumni-alumni Kolej Komuniti Ledang.

Rajah berikut akan menunjukkan pula taburan sampel kajian berdasarkan umur mereka:




Rajah 2: Latar belakang umur peserta kursus

Berdasarkan Rajah 2 di atas, 29% (71 peserta) daripada sampel kajian adalah berumur antara 20-30 tahun, 57% (143 peserta) adalah terdiri daripada mereka yang berumur antara 31-40 tahun, Selain itu, 7% (18 peserta) sampel adalah terdiri daripada peserta kursus yang berumur antara 41-50 tahun. Dan 7% (18 peserta) sahaja peserta kursus berumur 51 tahun ke atas yang menjadi sampel kajian ini.




Rajah 3: Latar belakang mengikut bangsa

Pecahan mengikut kaum dibuat dan berdasarkan Rajah 3 di atas, 86% (214 peserta) daripada sampel kajian adalah berbangsa Melayu, 8% (21 peserta) adalah terdiri daripada mereka yang berbangsa Cina dan 6% (15 peserta) sampel adalah terdiri daripada peserta kursus yang berbangsa India. Rajah berikut akan menunjukkan pula taburan sampel kajian berdasarkan taraf pendidikan mereka:



Rajah 4: Latar belakang mengikut taraf pendidikan

Berikut adalah pecahan mengikut taraf pendidikan dibuat dan berdasarkan Rajah 4 di atas, 36% (89 peserta) daripada sampel kajian adalah SPM, 29% (71 peserta) adalah terdiri daripada mereka yang bertaraf Sijil, 21% (54 peserta) sampel adalah bertaraf Diploma dan 14% (36) bertaraf Ijazah. Klasifikasi taraf pendidikan juga diambil mengikut kelulusan yang setara yang dinyatakan pada soal selidik yang diedarkan.



Rajah 4: Jenis pekerjaan peserta

Pecahan mengikut kaum dibuat dan berdasarkan Rajah 5 di atas, 7% (18 peserta) daripada sektor swasta, 36% (89 peserta) bekerja sendiri, 29% (71 peserta) adalah terdiri daripada peniaga, 7% (18 peserta) terdiri daripada pesara dan 21% (54 peserta) terdiri daripada suri rumah

### Jadual 2: Faktor Pemilihan Kursus Jangka Pendek

BIL	PENYATAAN	L	S	B	AB	MIN
Da1	Kursus dipilih berdasarkan keperluan pekerjaan		26.0	29.2	44.8	4.017
Da2	Pemilihan kursus bagi meningkatkan skill yang sedia ada	3.2	25.2	33.6	38.0	3.985
Da3	Faktor lokasi tempat berkursus		10.0	32.0	58.0	4.189
Da4	Yuran kursus yang ditawarkan	0.4	18.0	35.6	46.0	4.131
Da5	Bantuan selepas berkursus		6.8	21.6	71.6	4.224
<b>MIN KESELURUHAN</b>						<b>4.109</b>

Secara keseluruhannya dapatan kajian ini menunjukkan kebanyakan para peserta yang memilih kursus jangka pendek di Kolej Komuniti Ledang ini berpuas hati dengan kursus yang ditawarkan. Min keseluruhan bagi kursus ini adalah tinggi iaitu pada tahap 4.109. Item yang tertinggi ialah "Bantuan selepas berkursus" iaitu pada aras 4.224 ini diikuti oleh item yang mempunyai aras kedua tertinggi iaitu 4.189 berkaitan dengan "Faktor lokasi tempat berkursus". Item-item bagi tempat ketiga dan keempat, masing-masing berada pada skor 4.131 dan 4.017. Item tersebut ialah "Yuran kursus yang ditawarkan" dan "Kursus dipilih berdasarkan keperluan pekerjaan". Secara keseluruhannya faktor pemilihan kursus jangka pendek di Kolej Komuniti Ledang adalah pada tahap yang baik dan memuaskan.

Bagi item yang terendah pula adalah seperti berikut: "Pemilihan kursus bagi meningkatkan skill yang sedia ada" (3.985). Namun begitu, item ini masih berada pada yang sederhana dan masih boleh diterima .

### Jadual 3: Fasiliti dan Kemudahan Yang Disediakan

Bil	Pernyataan	L	S	B	Ab	Min
Db1	Tempat kursus yang selesa			26.0	74.0	4.168
Db2	Tenaga pengajar yang mahir dan cekap		10.0	27.6	62.4	4.068
Db3	Kemudahan internet yang baik		10.0	32.0	58.0	4.042
Db4	Bahan kursus yang lengkap	0.4	4	25.2	70.4	4.134
<b>MIN KESELURUHAN</b>						<b>4.103</b>

Jadual di atas menunjukkan dapatan kajian tentang faktor pemilihan kursus berdasarkan fasiliti dan kemudahan yang disediakan . Umumnya, koresponden telah memberikan pandangan bahawa mereka telah berpuas hati dengan kemudahan dan fasiliti

yang disediakan di Kolej Komuniti Ledang . Min keseluruhan bagi item ini adalah berada pada tahap tinggi iaitu 4.103. Kesemua min bagi setiap item juga adalah tinggi dan berada lebih daripada 4.000. Min yang tertinggi adalah bagi item “Tempat kursus yang selesa ” di mana min keseluruhan adalah pada aras 4.168. Ini kemudiannya diikuti oleh item “Bahan kursus yang lengkap” yang min pada aras 4.134. Min yang ketiga tertinggi (4.068) ialah bagi item ”Tenaga pengajar yang mahir dan cekap”. Min yang keempat (4.042) ialah ”Kemudahan internet yang baik”.

Secara keseluruhannya, item-item bagi kursus ini masih berada pada tahap yang tinggi dan menunjukkan fasiliti dan kemudahan yang disediakan oleh pihak Kolej Komuniti Ledang ini adalah terbaik dan selesa. Jadual di atas memberikan satu gambaran yang baik terhadap faktor pemilihan tempat kursus ini kerana min-min bagi semua item berada dalam kategori yang tinggi.

Jadual 4: Tahap Kefahaman Selepas Kursus

BIL	PERNYATAAN	L	S	B	AB	MIN
Dc1	Pengetahuan dalam bidang kursus yang disertai		35.6	35.6	28.8	3.772
Dc2	Kursus pendek yang dianjurkan di Kolej Komuniti Ledang memberi peluang kepada saya untuk memperolehi ilmu kemahiran yang baru		7.2	28.4	64.4	4.149
Dc3	Kursus pendek yang dianjurkan di Kolej Komuniti Ledang dapat membantu saya mempertingkatkan kemahiran sedia ada untuk menjadi usahawan	7.2	14.4	21.6	57.2	4.172
Dc4	Yakin menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari	7.2	7.2	35.6	50.0	4.106
Dc5	Membantu meningkatkan kerjaya		7.2	21.2	71.6	4.229
Dc6	Membantu memulakan perniagaan	7.2	21.6	28.4	42.8	4.074
Dc7	Membantu mengembangkan perniagaan		35.6	28.8	35.6	3.873
MIN KESELURUHAN						4.054

Jadual 4 di atas menunjukkan dapatan kajian terhadap penilaian tahap kefahaman selepas kursus di Kolej Komuniti Ledang. Daripada min keseluruhan yang diperolehi, kebanyakan peserta kajian menunjukkan tahap penerimaan kefahaman yang baik terhadap

kursus-kursus jangka pendek yang disediakan oleh pihak kolej. Min keseluruhan bagi item ialah 4.068 iaitu berada pada aras tinggi. Terdapat item-item yang mempunyai min yang tinggi seperti item “Membantu meningkatkan kerjaya” yang mempunyai min 4.229. Ini diikuti oleh item “Kursus pendek yang dianjurkan di Kolej Komuniti Ledang dapat membantu saya mempertingkatkan kemahiran sedia ada untuk menjadi usahawan” di mana min bagi item ini ialah 4.172. manakala item yang ketiga tertinggi ialah “Kursus pendek yang dianjurkan di Kolej Komuniti Ledang memberi peluang kepada saya untuk memperolehi ilmu kemahiran yang baru” yang mempunyai minnya pada aras 4.149. Ini memberikan gambaran bahawa kursus ini telah memberikan kesan kepada peserta yang mengikuti kursus ini. Item yang keempat dan kelima yang masing-masing mempunyai skor antara 4.106 dan 4.074 ialah item “Yakin menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari” dan “Membantu memulakan perniagaan”

Namun begitu, terdapat juga item-item yang agak rendah dalam aspek tahap kefahaman selepas kursus walaupun min item-item ini masih berada pada tahap yang tinggi. Ianya memberikan gambaran bahawa terdapat peserta-peserta yang merasakan kursus ini kurang memberikan kesan yang positif kepada mereka. Berikut adalah item-item terendah berdasarkan penilaian yang dibuat:

- i. Membantu mengembangkan perniagaan (3.873).
- ii. Pengetahuan dalam bidang kursus yang disertai (3.772).

Item-item yang rendah di atas menunjukkan terdapat para peserta-peserta yang merasakan kurang yakin kursus yang dijalankan ini. Item yang agak rendah ini dikaitkan dengan kurangnya ilmu yang diperolehi, pengamalan dan kemahiran walaupun mereka telah mengikuti kursus ini.

Jadual 5: Analisa “Multiple regression”

T Calculate	B	Sig*	DF	F Calculate	(R2) PPPP	(R)
5.060	0.351	0.006	5.106	32.511	0.402	0.634

\*Impak signifikasi pada level (0.05)

Pemilihan Kursus Jangka Pendek

Jadual di atas menunjukkan bahawa faktor pemilihan kursus jangka pendek, fasiliti dan kemudahan yang disediakan dan tahap kefahaman selepas kursus mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pemilihan kursus jangka pendek. Seperti yang ditunjukkan pada nilai "R" dan "R2" (0.634), (0.402).

## KESIMPULAN

Perlaksanaan kursus jangka pendek di Kolej Komuniti Ledang adalah bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran alumni-alumni kursus jangka pendek selain daripada melihat semula tahap penerimaan alumni-alumni terbabit. Matlamat ini dilihat tercapai berdasarkan dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa tahap penilaian peserta terhadap kursus yang ditawar dan dilaksanakan berada pada tahap yang tinggi iaitu antara 4.017 hingga 4.229 secara keseluruhannya di mana interpretasi skor min tahap tinggi yang menjadi indikator penilaian dalam kajian ini ialah antara 4.054 hingga 4.109. Ukuran "Multiple regression" juga menunjukkan pada tahap yang baik dan memuaskan iaitu "R" dan "R2" (0.634), (0.402) mematuhi tahap impak signifikasi pada level (0.05) ke atas.

Daripada analisis ini dapat disimpulkan tahap penerimaan alumni-alumni kursus jangka pendek terhadap kursus-kursus yang ditawarkan oleh pihak Kolej Komuniti Ledang Johor (KKLJ) adalah memenuhi kehendak peserta. Daripada dapatan ini, kebarangkalian alumni-alumni kursus jangka pendek ini memilih kursus yang ditawarkan oleh KKLJ adalah pada aras yang tinggi.

## RUJUKAN

- Abdul Ghafar Don, Ab. Halim Tamuri, Supyan Hussin, Mohd Aderi Che Noh. (2015). *Penilaian Keberkesanan Kursus Pusat Latihan Pengurusan Pendidikan Islam Institut Latihan Dan Dakwah Selangor (ILDAS)*
- Amin Embi. (2016). *Pemikiran dan Reka Bentuk Semula Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21. Bangi: Penerbit UKM.*
- Aris, Najdiah; Abu Bakar, Raudhah Noora'ariffah; Mohamad, Norfadzilah (2019). Kajian Persepsi Peserta Kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Terhadap Latihan Khas (Kluster Pengkomputeran) di Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning* 3(1): 52-61
- Che In, F., & Ahmad , A. Z. (2019). Kajian Keberkesanan Pembelajaran Interaktif Berasaskan Aplikasi Kahoot. *Online Journal for TVET Practitioner* 13(1):54
- Dawson, Catherine (2002). *A practical Guide to research Method*. Oxford: Spring Hill House.
- Halijah, S., & Ashikin, N. (2019). Keberkesanan 'e-SPSS'Bagi Kursus Business Project Terhadap Pelajar Diploma Pengajian Perniagaan. *International Conference On Global Education*, 1(1): 827-833
- Ideris Endot (2007). 'Strategi Pengurusan Sumber Manusia dalam Globalisasi dakwah Mutakhir'. Dalam Abdul Ghafar Don, Berhanundin Abdullah & Zulkiple Abd. Ghani. *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia Konsep dan Perlaksanaan* (Peny.). Bangi : Penerbit Universiti kebangsaan Malaysia

- Kadir, Hazila; Mizad, Meizareena; Md. Ngadiran, Nurizah (2020). *Keberkesanan Kursus Pengucapan Awam Terhadap Kemahiran Insaniah Pelajar*. Jurnal Dunia Pendidikan Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin (2011). Sistem Pendidikan di Malaysia : Dasar, Cabaran dan Perlaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional. *Sosio Humanika*. 4(1):33-48.
- Razaleigh Muhamat@Kawangit (2010). *Kepimpinan dan Pengurusan Islam*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shaharom TM Sulaiman (1997). *Pengurusan Islam dan Pembangunan Manusia*. Batu Caves: Thinker's Library.
- Sherwani, Harun Khan (1939). Educational System in The Time of The Prophet. *Islamic Culture*.
- Syed Sajjad Husain & Syed Ali Ashraf (1979). *Crisis in Muslim education*, Jeddah: Hodder and Stoughton.